

Ulasan buku : Punk, penentangan dan politik transnasionalisme

ABSTRAK

Buku terbitan tahun 2016 ini merupakan hasil penulisan Sharifah Nursyahidah Syed Annuar, Muhammad Febriansyah dan Muhamad Takiyuddin Ismail, terbitan Strategic Information and Research Development Centre (SIRD). Keseluruhan buku ini mengandungi 190 halaman termasuk rujukan dan asalnya merupakan tesis Sarjana Sharifah Nursyahidah semasa menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di bawah Program Sains Politik. Penyelia tesis berkenaan, Muhamad Takiyuddin kemudiannya mencadangkan agar tesis tersebut dikembangkan menjadi buku, lantas proses penambahbaikan dan penstrukturkan semula dilakukan. Projek penerbitan buku ini kemudiannya disertai oleh Muhammad Febriansyah, yang ketika itu sedang menjalankan penyelidikan berhubung politik transnasional Malaysia-Indonesia.